

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JULAI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Jabatan Audit Negara syor kaji semula objektif, fungsi ECERDC

Jabatan Audit Negara syor kaji semula objektif, fungsi ECERDC

KUALA LUMPUR - Jabatan Audit Negara mengesyorkan Kementerian Ekonomi mengkaji semula objektif, fungsi dan peranan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang ditubuhkan sejak 2008 itu.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Khamis berkata, cadangan itu dibuat bagi memastikan projek dan program yang dirancang akan mengambil kira keutamaan, keadaan serta keperluan semasa agar dapat dimanfaatkan oleh kumpulan sasar.

“Saranan itu juga turut memastikan setiap projek yang dirancang mencapai objektif berkesan, selain tidak menjejaskan pulangan kepada kerajaan nanti.

“Pihak audit antara lain turut mengesyorkan Kementerian Ekonomi, ECERDC dan pihak berkaitan untuk mengambil tindakan seperti Melaksanakan sesi libat urus dengan semua pihak yang terlibat dalam merangka strategi dan mempergiatkan lagi aktiviti promosi bagi menarik pelabur di plot-plot perindustrian dan Syarikat Induk bagi projek Agropolitan,” kata laporan itu.

Laporan sama turut mendedahkan prestasi pengisian plot perindustrian ECERDC adalah kurang memuaskan iaitu hanya enam atau 14 peratus daripada 43 plot perindustrian diisi dengan pelabur.

Perkara ini katanya, boleh menyumbang kepada ketidakcapaian objektif projek yang telah ditetapkan.